




Mutakhir »

Sabtu Mac 7, 2009

## Bahasa Inggeris: PM mahu keputusan dibuat segera elak masalah besar

[DIKEMAS KINI] **KUALA LUMPUR** Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap agar keputusan berhubung isu Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dibuat segera bagi mengelakkan tercetusnya isu yang lebih besar.

Abdullah mengeluarkan kenyataan di ibu negara beberapa jam selepas Gerakan Mansuhkan PPSMI mengadakan Perhimpunan 100,000 Rakyat membantah dasar tersebut.

GMP menyerahkan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong sebentar tadi manakala beratus-ratus penyokongnya merempuh sekatan polis berhampiran Masjid Negara sebelum berarak ke Istana Negara tetapi berjaya disuraikan dengan tembakan gas pemedih mata.

Dipetik *Bernama*, Perdana Menteri berkata, kerajaan mengakui adanya desakan yang kuat daripada rakyat khusunya orang Melayu yang sedang memberi perhatian terhadap perkara terbabit.

"Saya harap keputusan ini akan dibuat segera. Kalau tidak nanti tekanantekanan dan tindakantindakan NGO (Badan Bukan Kerajaan) akan berterusan dan akan menjadi isu yang lebih besar," katanya kepada pemberita selepas melancarkan novel "Dragon Fire Hammer" di sini hari ini.

Abdullah berkata, Kementerian Pelajaran telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan NGO bagi membincangkan perkara berkaitan PPSMI.

Bagaimanapun, katanya, Kementerian Pelajaran buat masa ini belum bersedia untuk mengumumkan bentuk keputusan yang telah diambil itu.

"Dengan adanya keputusan-keputusan peperiksaan yang boleh memberi asas kepada kementerian untuk membuat keputusan, maka saya percaya keputusan itu perlu menjadi keputusan yang baik bagi mengukuhkan kepentingan rakyat dan masa depan kita," katanya.

Pelaksanaan PPSMI sejak tahun 2003, telah mencetuskan kontroversi dan perdebatan, dan kebelakangan ini ia berkisar mengenai rasional sama ada dasar itu patut diteruskan atau sebaliknya.

Isu tersebut bertambah hangat apabila ahli akademik serta sasterawan menyertai ahli politik dalam menyuarakan bantahan mengenai penerusan dasar itu.

balik

Hiburan »
Kumpulan 'muka pecah pintu' juarai Raja Lawak 3
Syarul-Shahirah Raja Bahrin selamat diijabkabul
OIAM: Han tersingkir
Nostalgia 'Penantian' yang ditinggalkan Zubir Ali!
Program realiti papar kehidupan Diana di PLKN
Geng: Pengembaraan Bermula pecah rekod filem Melayu?
Blog 'balas dendam' sengaja guna bahasa 'biadap'
Waheeda timbang tawaran jadi isteri Akhil Hayy
Vanidah ada karektor yang 'dekat' dengan Mahsuri

Berita »
Bahasa Inggeris: PM mahu keputusan dibuat segera elak masalah besar
Himpunan bantah dasar bahasa Inggeris tukar ganas, 124 ditahan
BN Perak senarai 3 nama calon Bukit Gantang

**KOLUMNIS**




**Kakak Tua: Susahnya hendak luruskan ekor beruk!**




**Wanita! Pastikan perjuanganmu?**




**Aditya: Kecelaruan hala tuju!**

### Tinjauan

Antara langkah berikut yang perlu diambil untuk menyelesaikan krisis politik Perak?

- Kompromi BN-Pakatan
- Pilihan raya baru

Undi atau Keputusan Tinjauan

### Tinjauan

Apakah ruangan baru yang ingin anda lihat di mStar?

- Agama
- Sukan
- Sosial/Komuniti
- Ekonomi

Undi atau Keputusan Tinjauan

Suria fm
Muzik Terbaik Tanpa Henti

Hakcipta Terpelihara © 1995-2009 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).